

IMPLIKASI PENDEKATAN SPIRITUAL DALAM KAUNSELING TERHADAP KLIEN DALAM MENANGANI ISU KEKELUARGAAN

Salasiah Hanin Hamjah* & Muhamad Anis Ajmal Abdullah Rashid
*salhanin@ukm.edu.my**

ABSTRACT

Various family issues such as negligence of responsibility, abuse, disputes, incest, and divorce is plaguing our society today. There are those in the community who are facing such problems that resort to find the solution by seeking counseling services. Therefore, this study was conducted to identify the impacts of applying spiritual methods towards the client in addressing family issues. The research design of this study is a case study. Through purposive sampling, three clients who had undergone Islamic spiritual counseling sessions were selected as research participants. The study found that there were various impacts after applying spiritual elements in counseling where clients acknowledged that spiritual counseling sessions brought them closer to Allah and attained peace of mind. Clients also declared that they could understand their responsibilities in the family and identify their own weaknesses as a starting point for improving relationships and building harmony within the home.

Keywords: Counseling, Spiritual, Family issues, Family relationship, Harmony family

ABSTRAK

Pelbagai isu kekeluargaan berlaku pada hari ini seperti pengabaian tanggungjawab, penderaan, perselisihan, sumbang mahram, perceraian dan sebagainya. Ada dalam kalangan masyarakat yang menghadapi masalah kekeluargaan mencari jalan penyelesaian dengan mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti implikasi penerapan kaedah spiritual terhadap klien dalam menangani isu kekeluargaan. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes. Melalui persampelan bertujuan, seramai tiga orang klien yang pernah menjalani sesi kaunseling spiritual Islam telah dipilih sebagai peserta kajian. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai implikasi selepas penerapan elemen spiritual dalam kaunseling antaranya klien mengakui bahawa sesi kaunseling spiritual berjaya mendekatkan dirinya kepada Allah dan mencapai ketenangan jiwa. Klien juga mengakui dapat memahami tanggungjawabnya dalam keluarga dan mengenalpasti kelemahan diri sendiri sebagai titik mula memperbaiki hubungan dan membina keharmonian dalam rumahtangga.

Kata kunci: Kaunseling, Spiritual, Isu keluarga, Hubungan kekeluargaan, keluarga harmoni

PENDAHULUAN

Aspek spiritual merupakan aspek yang tidak boleh diabaikan dalam membincangkan tentang manusia kerana komponen manusia terdiri daripada zahariah dan batiniah. Isu berkaitan manusia adalah penting dalam ilmu kaunseling kerana subjek ilmu kaunseling adalah manusia atau klien. Walau bagaimanapun dalam membincangkan tentang spiritual atau unsur dalaman manusia terlalu banyak pandangan dan ini menyukarkan pengkaji untuk meletakkan satu definisi yang boleh diterima oleh semua orang. Ringkasnya, tiada kesepakatan diterima berkaitan definisi spiritual. Masing-

masing mempunyai pendapat dan pemikiran tersendiri mengenai tanggapan terhadap spiritual. Perbezaan ini pada asasnya didasari oleh kepelbagaian dimensi kepercayaan agama, budaya dan adat. Justeru itu, tidak hairanlah jika terdapat pelbagai definisi diutarakan oleh tokoh-tokoh Barat berkaitan spiritual (Salasih 2016). Harleah (2006) menjelaskan spiritualiti bermaksud pengalaman seseorang mencari makna diri melalui hubungan dengan orang lain dan dengan Tuhan serta melibatkan agama dan tradisi. Delgado (2005) dan Tanyi (2002) pula menjelaskan spiritualiti mempunyai kaitan dengan keimanan, mencari makna dan tujuan hidup, kekuatan dalaman, hubungan dengan orang lain dan transendensi diri yang memberi kesan kepada ketenangan dalaman dan kesejahteraan.

Faiver, Ingersoll, O'Brien dan McNally (2000) mendefinisikan spiritual sebagai suatu kekuatan luar biasa yang dapat melakukan perubahan daripada kesusahan kepada kesenangan, daripada permusuhan kepada kerjasama dan daripada perbezaan kepada kasih sayang. Spiritual juga merupakan kualiti dalaman manusia yang dapat menghubungkannya dengan individu lain dan dapat membantu manusia menyesuaikan diri dengan situasi kehidupan. Bagi Maher & Hunt (1993) spiritual ialah fokus kepada sesuatu yang berlaku dalam hati. Worthington, Hook, Davis, dan McDaniel (2011) pula menjelaskan spiritual bermaksud perasaan umum tentang kedekatan dan mempunyai hubungan dengan sesuatu yang suci. Ini meliputi hubungan dengan Kuasa yang Tinggi, hubungan sesama manusia seperti perasaan kasih sayang dan bersedekah. Ia juga meliputi hubungan dengan alam dan persekitaran serta hubungan dengan segala makhluk. Daripada pandangan ini dapat disimpulkan bahawa spiritual atau spiritualiti bermaksud kekuatan dalaman yang berfokus kepada sesuatu yang berlaku kepada hati dalam mencari makna diri dan tujuan hidup. Spiritualiti inilah yang menghubungkan seorang individu dengan Tuhan, dengan orang lain dan dengan alam sekitar bagi mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup.

Dalam konteks perspektif Islam, aspek spiritual atau al-nafsiyy dilihat sebagai aspek rohaniah atau dalaman dan lawan kepada luaran (fizikal). al-Ghazali (2000) apabila menghuraikan mengenai takrifan spiritual melibatkan kombinasi aspek hati (al-qalb), jiwa (al-nafs), akal (al-aql) dan roh (al-ruh). Padanya, empat elemen ini yang mendasari spiritual setiap insan. Empat elemen ini juga berperanan dalam menjelaskan hakikat insan yang mempunyai keupayaan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Sungguhpun demikian, secara spesifiknya, al-Ghazali (2000) akan lebih fokus kepada hati (al-qalb) dalam membincangkan mengenai spiritual kerana hati adalah umpama raja yang menerajui seluruh anggota badan manusia. Ini juga selari dengan saranan Rasulullah SAW yang mengingatkan umat Islam supaya memelihara hati kerana baik atau jahat seseorang itu adalah bergantung kepada hatinya sebagaimana Hadis Rasulullah SAW:

عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ النَّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: *Sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul daging. Jika daging itu baik maka baiklah seluruh jasad tetapi jika ia rosak, maka rosaklah juga jasad. Daging yang dimaksudkan itu ialah hati (Hadis riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab (40) Fadl man Istabra'a Lidinihi)*

Jika digabungkan pandangan Barat dan Islam, aspek spiritual adalah merujuk kepada aspek dalaman manusia yang berfokus kepada apa yang berlaku di dalam hati manusia. Spiritual adalah aspek penting dalam diri manusia, sama pentingnya dengan aspek fizikal kerana aspek spiritual berperanan dalam menjelaskan hakikat insan yang mempunyai keupayaan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, berupaya mengenal diri, menjelaskan tujuan hidup, menjalin hubungan dengan Tuhan dan hubungan sesama manusia serta hubungan dengan alam sekitar demi mencapai kebahagiaan.

Kajian ini dilakukan bagi meneliti implikasi pendekatan spiritual dalam kaunseling terhadap klien. Justeru itu, pendekatan kaunseling spiritual yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk bagaimana kaunselor menyentuh hal-hal berkaitan aspek dalaman (hati) manusia, seperti hubungannya dengan Tuhan, manusia dan alam sekitar yang boleh membantu klien mencari ketenangan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi khususnya berkaitan isu-isu kekeluargaan. Hal-hal berkaitan spiritual atau hati yang disentuh oleh kaunselor dalam kajian ini seperti membaca al-Quran, qiyamullail, solat berjemaah, menggalakkan berdoa dan meneliti kelemahan diri sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes. Kaedah utama yang digunakan dalam pengumpulan data kajian ialah temu bual. Seramai tiga orang klien di sekitar Bandar Baru Bangi telah dipilih secara bertujuan sebagai peserta kajian. Mereka adalah klien yang pernah menjalani sesi kaunseling spiritual Islam sehingga tamat. Dua daripada mereka adalah perempuan yang berumur 39 tahun dan 52 tahun, manakala seorang lagi adalah lelaki yang berumur 53 tahun. Dari aspek pendidikan, seorang klien wanita mempunyai pendidikan sehingga peringkat Doktor Falsafah dan bekerja sebagai pensyarah universiti dan seorang lagi mempunyai pendidikan di peringkat STPM dan merupakan suri rumah sepenuh masa. Klien lelaki pula mempunyai pendidikan tertinggi di peringkat Sarjana dan bekerja sebagai Pengarah Syarikat. Kebanyakan mereka menjalani sesi kaunseling antara dua sehingga empat kali sesi pertemuan. Data-data daripada temu bual dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVivo.

IMPLIKASI PENDEKATAN SPIRITUAL TERHADAP KLIEN

Pendekatan spiritual yang diterapkan dalam sesi kaunseling memberi implikasi positif kepada klien. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengakuan klien dalam sesi temu bual yang dijalankan. Kajian ini mendapati klien mengakui bahawa penerapan aspek spiritual dalam kaunseling dapat membantu mendekatkan dirinya kepada Allah SWT. Ada klien yang mengakui dia berjaya mendekatkan dirinya dengan Allah melalui ibadah dan zikir:

“Saya amat bersetuju dengan khidmat kaunseling Islam yang telah saya jalani kerana saya dapat menyelesaikan masalah keluarga dengan berjaya. Contohnya, saya sedar bahawa sikap pemaarah selama ini terhadap pasangan semakin berkurang dengan perbanyakkan ibadah dan sentiasa mengingati Allah” (Peserta Kajian 2)

Zikir mempunyai peranan tersendiri dalam memberikan kekuatan jiwa kepada seseorang menghadapi persoalan hidup. Ini kerana zikir kepada Allah dapat menjamin

ingatan Allah SWT juga kepada hamba yang mengingatiNya itu (al-Ghazali 1995). Perhatian dan ingatan Allah SWT kepada hamba-Nya itu sudah tentu memberi makna bahawa Allah SWT akan sentiasa memelihara dan melindunginya. Perkara ini dinyatakan dalam firman-Nya (Surah al-Baqarah 2:152) yang bermaksud:

Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan, dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan ni'mat-Ku).

Selain itu, zikir juga boleh memberi kebaikan, dihindarkan daripada kejahatan serta diampunkan dosa (al-Ghazali 2000; Salasiah 2016). Ini disebut dalam Hadis;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ حُطَّتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda sesiapa yang membaca سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ dalam sehari sebanyak seratus kali maka akan diampunkan dosanya meskipun dosa itu banyak seperti banyaknya buih di lautan*

(Hadis riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Da'awat).

Ada juga klien yang mengakui bahawa dia berjaya mendekati diri kepada Allah SWT menerusi amalan mengerjakan solat berjemaah bersama keluarga. Perkara ini adalah merupakan amalan yang sangat digalakkan dalam Islam dalam usaha membina sebuah keluarga yang diredhai Allah SWT.

"Sesi kaunseling ini terbaik kerana saya merasakan diri saya lebih dekat dengan pencipta yang Maha Esa kerana solat berjemaah bersama keluarga mula dilaksanakan setelah menerima cadangan daripada pihak kaunselor" (Peserta Kajian 2)

Ada juga klien yang berjaya yang mendekati diri melalui amalan qiyamullail seperti mendirikan solat tahajjud.

"Pendekatan Islam yang telah disarankan oleh kaunselor ialah mendekati diri kepada Allah seperti bangun malam untuk melaksanakan tahajjud dan sentiasa mengaji. Selain itu, kaunselor juga menyarankan agar saya menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti agama dalam jadual seharian" (Peserta Kajian 3)

Solat tahajjud adalah solat malam yang dilaksanakan setelah bangun tidur, sebaiknya dilakukan secara bersendirian selepas tengah malam. Solat sunat ini amat dituntut dan sangat baik dilakukan sebagai ibadah tambahan kerana pada ketika itu kebanyakan hamba Allah SWT sedang lena dibuai mimpi sedangkan orang yang mendirikan solat tahajjud memberikan perhatian sepenuhnya kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam al-Quran berkenaan solat tahajjud dalam Surah al-Isra' 17:79 yang bermaksud:

"Dan bangunlah pada sebahagian daripada waktu malam serta kerjakanlah sembahyang tahajjud padanya sebagai sembahyang tambahan bagimu semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat, di tempat yang terpuji".

Selain al-Quran, Rasulullah SAW juga menggalakkan umatnya mendirikan solat tahajjud malah baginda sendiri mengerjakan solat tersebut sebagaimana dinyatakan dalam sebuah Hadis:

عَنْ طَاوُسٍ سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَتَهَجَّدُ

Maksudnya: *Daripada Tawus yang mendengar Ibn 'Abbas berkata "Adalah Nabi Muhammad SAW jika bangun daripada tidur pada waktu malam dia bertahajjud"*

(Hadis riwayat al-Bukhari. al-'Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar, Kitab al-Da'awat, bab 10, Hadis 6317)

Selain itu, klien dalam kajian ini turut memberi pandangan positif apabila pendekatan spiritual kaunseling dikatakan memberi kesan positif kepadanya sehingga berjaya mencapai ketenangan jiwa melalui amalan membaca al-Quran dan solat tahajjud sebagaimana berikut:

"Pada hakikatnya, apabila seseorang itu membasahkan lidah mereka dengan ayat suci al-Quran, maka ianya akan mendatangkan ketenangan jiwa yang mendalam sebagaimana yang telah dialami oleh saya sendiri. Walaupun pada ketika itu saya terlampau sibuk, saya cuba mencari waktu untuk membaca al-Quran yang semestinya memberi ketenangan kepada jiwa dan hati saya" (Peserta Kajian 1)

"Dalam masa yang sama, sesi kaunseling membantu saya dalam menenangkan hati yang pernah disakiti oleh insan yang tidur satu katil. Hal ini kerana, dengan mendekati diri kepada Allah seperti membaca al-Quran dan amalan solat tahajjud secara langsung telah membuatkan hati menjadi tenang dan menerima segala ketentuan serta dugaan hidup yang telah ditetapkan oleh Allah dengan hati yang ikhlas" (Peserta Kajian 2)

"Dalam pada itu juga, saya berpendapat akidah serta pegangan Islam seperti galakan bangun pada waktu malam untuk mendirikan solat tahajjud amat membantu memberi ketenangan jiwa sehingga saya dapat menyelesaikan masalah dengan tenang dan tenteram" (Peserta Kajian 3)

Perkara ini adalah selari dengan ajaran Islam bahawa membaca al-Quran mampu memberi ketenangan hati dan jiwa kepada mereka dalam menyelesaikan masalah yang berlaku. al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW dan merupakan rahmat yang besar bagi seluruh alam ini. Di dalamnya terdapat pengajaran yang menjadi petunjuk bagi sesiapa yang membaca dan menghayatinya. Kandungan al-Quran mencakupi semua ajaran yang terdapat dalam kitab suci sebelumnya. Orang yang sentiasa membaca, mempelajari dan menghayati segala ajaran al-Quran akan menambahkan rasa cinta kepada Allah SWT diberi rahmat dan ketenangan jiwa sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran, Surah al-Racd 13:28 yang bermaksud:

"Iaitu orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia"

Ketenangan jiwa sangat penting kepada klien kerana jiwa yang tenang akan membantu klien menghadapi masalah berkaitan isu kekeluargaan dengan lebih baik.

Jiwa yang tenang tidak akan menjadikan seseorang itu bertindak melulu dan mengikut emosi. Jiwa yang tenang akan menjadikan seseorang itu nampak jalan penyelesaian terbaik bagi melepaskan dirinya daripada kemelut masalah yang berlaku.

Kajian ini turut mendapati, dengan menjalani sesi kaunseling berpendekatan spiritual Islam, klien didapati lebih memahami tanggungjawab dalam rumahtangga sebagaimana berikut:

“Kaunselor menyarankan agar mengutamakan pasangan melebihi daripada urusan-urusan yang lain. Saya dan suami saya terlampau sibuk dengan tugas di tempat kerja seharian. Oleh itu, pendekatan ini mampu menimbulkan rasa bertanggungjawab antara kami berdua sebagai seorang suami mahupun isteri dan mampu menghadkan masa kerja agar masing-masing dapat meluangkan masa bersama antara satu sama lain” (Peserta Kajian 1)

“Setelah melalui proses kaunseling, suami mula menyedari tanggungjawab. Jika dibandingkan dengan sebelum ini, suami saya hanya berfoya-foya dengan wanita lain dan melupakan tanggungjawab sebagai seorang suami serta ayah di rumah. Walaubagaimanapun, setelah menjalani sesi kaunseling, dia mula menyedari tanggungjawab yang sepatutnya digalas olehnya bukan sahaja nafkah wang ringgit yang sepatutnya dilaksanakan, bahkan nafkah batin juga sepatutnya ditunaikan” (Peserta Kajian 2)

“Kaunseling Islam ini amat bagus apabila kami mulai sedar akan tanggungjawab masing-masing. Sebagai contoh, suami saya mula terjantik hatinya untuk melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya sebagai seorang suami dan juga bapa kepada anak-anak. Dalam pada masa yang sama, saya juga mula cuba untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu mithali dengan sepenuh hati” (Peserta Kajian 3)

Menyedari tanggungjawab masing-masing dalam keluarga adalah antara rahsia keharmonian rumahtangga. Pengabaian tanggungjawab akan mengundang pelbagai masalah yang lebih teruk seperti perselisihan, pertengkaran, penderaan dan perceraian. Suami yang tidak menunaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak akan menyebabkan keperluan asas kehidupan tidak dapat dipenuhi dan jika ini tidak dapat ditunaikan akan menyebabkan berlaku kelaparan, tiada tempat perlindungan yang selesa, tiada pakaian yang baik dan hidup dalam serba kekurangan. Isteri yang tidak menunaikan tanggungjawab sebagai isteri berpotensi mengundang masalah dalam rumahtangga disebabkan tidak menghormati suami. Ada yang bersikap curang, tidak menjaga maruah diri dan mementingkan diri sendiri.

Antara lain implikasi positif kesan penerapan aspek spiritual dalam sesi kaunseling Islam ialah klien berupaya menyelidik kelemahan diri kerana ini merupakan task yang diberikan oleh kaunselor untuk disempurnakan oleh klien:

“Kaunselor menyarankan agar mengutamakan pasangan melebihi daripada urusan-urusan yang lain. Saya dan suami saya terlampau sibuk dengan tugas di tempat kerja seharian. Oleh itu, pendekatan ini

mampu menimbulkan rasa bertanggungjawab antara kami berdua sebagai seorang suami mahupun isteri dan mampu menghadkan masa kerja agar masing-masing dapat meluangkan masa bersama antara satu sama lain. Selain itu, memperbaiki atau menyelidik kelemahan diri juga disarankan oleh kaunselor kepada kami” (Peserta Kajian 3)

Klien dalam kajian ini merumuskan bahawa dengan pendekatan spiritual dalam kaunseling, kaunselor mendidik mereka supaya melihat orang yang lebih rendah dalam urusan dunia untuk mensyukuri nikmat Allah SWT.

“Sesi kaunseling ini membantu saya kerana saya mulai sedar bahawa lebih ramai orang lagi yang mempunyai masalah yang lebih berat dan besar yang terpaksa dipikul mereka sedangkan saya hanya mempunyai masalah yang kecil yang secara logiknya mampu diselesaikan masalah tersebut dengan cara yang ringkas iaitu komunikasi. Hal ini sekaligus menyebabkan saya berasa bersyukur dengan nikmat yang telah Allah SWT kurniakan kepada saya dan keluarga sehingga ke saat kini”.

Melihat orang yang lebih rendah daripada diri sendiri dalam hal-hal keduniaan akan membantu jiwa memupuk rasa bersyukur. Rasa bersyukur ini amatlah penting di dalam diri setiap manusia supaya mewujudkan satu perasaan yang puas kerana sudah memperoleh pelbagai nikmat daripada Allah SWT. Hal ini kerana, individu yang bersyukur akan mendapat kekuatan spiritual untuk menghadapi apa jua cabaran hidup kerana jiwanya sudah bersedia untuk menerima apa jua keadaan yang berlaku dalam kehidupannya dengan penuh rasa syukur (Salasih 2016). Galakan bersyukur atas segala nikmat Allah dinyatakan dalam al-Quran (Surah Ibrahim 14: 7) yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepadamu”.

Klien yang melihat orang yang lebih rendah daripada dirinya dalam hal keduniaan secara tidak langsung akan mensyukuri nikmat Allah. Rasa syukur itu pula akan mendorongnya untuk berusaha lebih gigih mengatasi masalah kekeluargaan yang dihadapinya. Dalam hatinya akan terfikir bahawa ada orang lain yang lebih teruk ujian yang Allah berikan kepadanya berbanding dirinya. Ini juga akan mendorongnya untuk terus tabah dan kuat menghadapi ujian Allah.

KESIMPULAN

Pelbagai isu kekeluargaan dibincangkan pada masa kini. Isu ini memerlukan penyelesaian segera untuk menyelamatkan sesebuah rumahtangga. Tanpa ikhtiar untuk memulihkan rumahtangga, tentulah banyak perceraian berlaku di negara kita. Kaunseling merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan konflik dan persengketaan dalam keluarga. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti adakah terdapat implikasi positif terhadap klien selepas menjalani sesi kaunseling dengan pendekatan spiritual. Hasil kajian mendapati secara jelas bahawa ada kesan positif berlaku kepada klien setelah menjalani sesi kaunseling spiritual. Antara implikasi tersebut ialah antaranya klien mengakui bahawa sesi kaunseling spiritual berjaya mendekatkan dirinya kepada Allah dan mencapai ketenangan jiwa. Klien juga mengakui dapat memahami tanggungjawabnya dalam keluarga, mengenalpasti kelemahan diri sendiri

dan berupaya melihat individu yang lebih rendah dalam uisan keduniaan supaya hatinya sentiasa bersyukur dengan nikmat yang Allah kurniakan untuk dirinya.

Penghargaan:

Terima kasih diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyediakan Geran Projek Arus Perdana AP-2014-020 “Penerapan maqasid syariah dalam gaya hidup profesional Muslim bagi membina kesejahteraan spiritual”, dan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyediakan Dana Pembangunan Penyelidikan Kumpulan Penyelidikan DPP-2014-092.

RUJUKAN

- al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Hajr. (1996). *Fath al-bari bi syarh sahih al-al-Bukhari*. Kaherah: Dar Abi Hayyan.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail Ibn Ibrahim Ibn al-Mughirah. (1992) *Sahih al- Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Delgado, Cheryl. (2005). *A discussion of the concept of spirituality*. Nursing Science Quarterly, 18 (2), 157-162.
- Faiver, C., Ingersoll, R.E., O’Brien, E., McNally, C. (2000). *Explorations in counseling and spirituality, philosophical, practical, and personal reflections*. United States: Brooks/Cole Thomson Learning.
- al-Ghazali. (1995). *Mukasyafah al-Qulub*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad ibn Ahmad. (2000). *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Harleah G., Buck. (2006). *Spirituality: Concept analysis and model development*. Holistic Nursing Practice, 20 (6): 288-292.
- Maher, Michael Forrest & Hunt, Trina K. (1993) *Spirituality, Counseling & Values*, 38 (1), 21-28.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan kaunseling spiritual menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tanyi, Ruth A. (2002). *Nursing theory and concept development or analysis towards clarification of the meaning of spirituality*. Journal of Advanced Nursing, 39 (5), 500–509.
- Worthington, E. L., Hook, J. N., Davis, D. E., & McDaniel, M. A. (2011). *Religion and spirituality*. Journal of Clinical Psychology, 67, 204-214.